

# PENYATAAN DASAR PELABURAN KWAP

TARIKH BERKUAT KUASA: 13 JULAI 2023

# KANDUNGAN

1.0 TUJUAN	2
2.0 LATAR BELAKANG	2
3.0 MANDAT PELABURAN	2
4.0 FALSAFAH PELABURAN	2
5.0 OBJEKTIF PELABURAN	2
6.0 PENGURUSAN RISIKO	3
7.0 KEPERCAYAAN PELABURAN TERHADAP ESG	3
8.0 PRINSIP PELABURAN	4
9.0 SKOP PELABURAN	4
10.0 SEKATAN PELABURAN	5
11.0 KETELUSAN	5
12.0 INTEGRITI DAN TADBIR URUS	6

## 1.0 Tujuan

Penyataan dasar ini menggariskan mandat pelaburan umum, falsafah dan objektif KWAP. Aspek tertentu dalam penyataan dasar ini mungkin berubah seiring dengan masa berikutan persekitaran pasaran dan jangkaan serta keperluan dan kekangan yang sentiasa berubah-ubah. Oleh itu, penyataan dasar ini bertujuan supaya menjadi dokumen dinamik dan mungkin tertakluk kepada semakan semula dan kemas kini dari masa ke masa dan apabila perlu.

## 2.0 Latar Belakang

KWAP merupakan dana persaraan sektor awam terbesar di Malaysia untuk penjawat awam. Ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) ("RFA"), KWAP menerima caruman daripada Kerajaan Persekutuan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi lain yang berkaitan serta mengurus caruman ini, termasuk untuk pelaburan, selaras dengan tujuan yang ditetapkan di bawah RFA untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencennya.

Pada 2015, KWAP dilantik sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi tujuan mentadbir bayaran pencen, ganjaran dan apa-apa manfaat lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada benefisiarinya.

## 3.0 Mandat Pelaburan

Di bawah seksyen 4(1) RFA, fungsi KWAP adalah untuk mentadbir dan mengurus Dana Persaraan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 13 RFA, selaras dengan tujuan yang ditetapkan dalam RFA dan untuk menjalankan aktiviti lain seperti yang mungkin perlu dan dibenarkan untuk dilakukan di bawah RFA.

KWAP diberi mandat untuk mengurus Dana Persaraan ke arah mencapai pulangan optimum dan mampan melalui pengurusan risiko dan strategi pelaburan yang baik. KWAP mempunyai kewajipan fidusiari untuk melindungi Dana Persaraan yang diuruskannya. Dana Persaraan ini akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencennya.

## 4.0 Falsafah Pelaburan

Sejajar dengan mandatnya, KWAP menggunakan perspektif jangka panjang untuk menghasilkan pulangan terselaraskan risiko yang mampan. KWAP percaya bahawa peluang *alpha* wujud kerana pasaran tidak selalunya cekap. KWAP menggunakan strategi aktif dalam kelas aset yang mempunyai keyakinan *alpha* yang kukuh dan/atau peluang yang dipercayai dapat dimanfaatkan secara langsung atau tidak langsung. Strategi pasif akan digunakan apabila terdapat keyakinan yang lemah yang boleh ditambah nilai melalui pengurusan aktif.

## 5.0 Objektif Pelaburan

KWAP berhasrat untuk mencapai pulangan pelaburan yang optimum untuk Dana Persaraan secara mampan melalui strategi pelaburan dinamik selaras dengan risiko Dana yang sedia diterima bagi memenuhi obligasi KWAP dalam menunaikan liabiliti pencen jangka panjang dan memberikan pencen secara mampan dan bermakna kepada benefisiarinya. KWAP menyasarkan untuk mengatasi inflasi Malaysia dengan premium tambahan dalam tempoh 10 tahun pusingan.

## 6.0 Pengurusan Risiko

KWAP menjalankan dasar pengurusan risiko yang menyeluruh, kerana KWAP percaya bahawa pengurusan risiko merupakan bahagian penting dalam mekanisme tadbir urus dan pengurusan korporat yang baik. Dalam memastikan bahawa pengurusan risiko pelaburan diguna pakai secara konsisten, kesediaan menerima risiko bagi portfolio pelaburan KWAP dinyatakan dalam bentuk Penyata Risiko.

Penyata Kesediaan Menerima Risiko KWAP membentuk asas yang daripadanya Pengurusan KWAP memformalkan kesediaan, sikap dan toleransi terhadap risiko yang dikenal pasti. Penyata ini menerangkan tahap risiko yang sanggup diterima oleh KWAP untuk mencapai objektif pelaburannya dan menyatakan dengan jelas sikap KWAP terhadap pengambilan risiko yang diurus untuk menyokong objektif strategiknya dengan menetapkan tahap risiko yang ingin dikendalikan oleh KWAP dan tahap risiko yang sanggup dikendalikan oleh KWAP.

Penyata Kesediaan Menerima Risiko KWAP diluluskan dan ditetapkan oleh Lembaga KWAP serta disemak secara berkala. Oleh itu, pindaan atau semakan terhadap kesediaan menerima risiko tertakluk kepada kelulusan Lembaga KWAP. Panel Pelaburan KWAP bertanggungjawab terhadap keputusan pelaburan KWAP, manakala Lembaga KWAP pula bertanggungjawab terhadap tahap risiko keseluruhan yang diambil oleh KWAP. Penyata Risiko KWAP diringkaskan seperti di bawah:

1. KWAP akan menasaskan untuk menyelaraskan jumlah tahap risiko dana dengan tahap risiko Portfolio Rujukan yang seimbang yang merangkumi Ekuiti Malaysia dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili sasaran risiko pasif KWAP.
2. KWAP akan menasaskan untuk menghadkan jumlah tahap risiko dana kepada tahap risiko Portfolio Rujukan yang merangkumi Ekuiti Malaysia dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini mewakili jumlah had risiko dana KWAP, termasuk risiko pasif dan aktif.

## 7.0 Kepercayaan Pelaburan terhadap ESG

KWAP percaya bahawa penyepaduan amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) boleh menjana pulangan terselaraskan risiko yang mampan dan membolehkan KWAP menjalankan operasinya secara bertanggungjawab, selaras dengan tanggungjawab fidusiarinya dan sejajar dengan objektif masyarakat yang lebih meluas dan kepentingan jangka panjang terbaik benefisiarinya.

Dalam konteks ESG, KWAP akan, jika dapat dilakukan, mengelak daripada membuat pelaburan dalam syarikat, yang mungkin mengurangkan atau menjejaskan komitmen dan kemajuan KWAP terhadap pelaburan bertanggungjawab dan ESG dan/atau syarikat yang aktiviti perniagaannya mempunyai risiko reputasi atau kesan buruk kepada KWAP, termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat berikut:

1. Syarikat yang secara khususnya atau sebahagian besarnya terlibat dalam produk atau perkhidmatan terlarang;
2. Syarikat yang secara khususnya atau sebahagian besarnya terlibat dalam perniagaan yang dianggap tidak senonoh, tidak bermoral atau tidak beretika;
3. Syarikat yang berulang kali dan/atau benar-benar melanggar norma etika yang diterima umum, standard dan undang-undang berkenaan hak asasi manusia, standard buruh, alam sekitar dan antirasuah;

4. Syarikat yang aktiviti perniagaannya dijalankan secara tidak mampan, dengan kesan buruk yang teruk dan tidak dapat dipulihkan terhadap kepelbagaian biologi, ekosistem, sumber semula jadi, iklim dan komuniti, dan/atau menjejaskan keadaan baik dan daya tahan alam sekitar dan sistem sosial tempat mereka beroperasi; dan
5. Syarikat yang aktiviti perniagaannya mengancam, menyebabkan mudarat atau memberikan kesan buruk kepada, atau menyebabkan penukaran atau kemerosotan tapak warisan budaya dan/atau semula jadi, kawasan lindungan atau habitat semula jadi yang penting.

KWAP percaya bahawa penyepaduan ESG merupakan perjalanan ke arah masa depan yang mampan. KWAP mengakui bahawa syarikat-syarikat mungkin berada pada tahap yang berbeza dalam usaha untuk menerapkan ESG dan kemampanan. Oleh itu, aktiviti pengawasan KWAP akan disasarkan terutamanya kepada penciptaan nilai jangka panjang bersama syarikat penerima pelaburannya.

KWAP percaya bahawa pelaksanaan hak mengundi dan sesi libat urus merupakan faktor utama bagi pemilikan yang aktif. Walaupun hak mengundi dan sesi libat urus ialah pilihan paling utama, KWAP boleh, pada bila-bila, menggunakan budi bicaranya untuk menghentikan pelaburan menurut dasar dan garis panduan dalaman yang berkenaan, termasuk apabila hasil tindakan mengundi dan sesi libat urus tidak memuaskan setelah semua langkah lain diambil.

## 8.0 Prinsip Pelaburan

KWAP dibimbing oleh Alokasi Aset Strategiknya, yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pelaburan KWAP dan diluluskan oleh Panel Pelaburan KWAP, yang disemak secara berkala untuk mencerminkan perubahan pada persekitaran pelaburan, dan membolehkan KWAP mengoptimumkan pulangan yang mencerminkan toleransi risikonya.

KWAP juga percaya kepada kepelbagaian aset. Kepercayaan ini dilaksanakan melalui pelaburan dalam pasaran antarabangsa dan persendirian yang bertujuan meningkatkan kecekapan portfolio dari segi kepelbagaian aset yang lebih besar dengan pulangan yang lebih menarik dan mengurangkan korelasi antara aset sedia ada.

## 9.0 Skop Pelaburan

KWAP berhasrat untuk mendapatkan pulangan yang konsisten dan mampan demi kepentingan terbaik benefisiarinya sebagai keseluruhan dan dijangka dengan kewajipan fidusiarinya. Oleh itu, tempoh pelaburannya adalah bertujuan jangka panjang. Sejajar dengan Alokasi Aset Strategiknya, KWAP menggunakan pelbagai strategi pelaburan, termasuk kepelbagaian pelaburan dan penyertaan aktif di seluruh spektrum kelas dan geografi aset untuk merealisasikan matlamat pelaburannya dan memaksimumkan jumlah pulangan secara mampan. Semua pelaburan Dana Persaraan adalah dan akan selaras dengan RFA.

## 10.0 Sekatan Pelaburan

Semua pelaburan Dana hendaklah menurut peruntukan di bawah RFA dan dibimbing selanjutnya oleh dasar dan garis panduan pelaburan KWAP.

Sebagai contoh, apabila membuat pelaburan di luar negara, KWAP akan, jika dapat dilakukan, mengelak daripada melabur dalam perkara berikut:

1. Apa-apa syarikat atau entiti atau organisasi yang diperbadankan dan/atau ditubuhkan di mana mana negara atau selainnya mempunyai tempat perniagaan utama yang terletak di dalam atau tertakluk kepada undang-undang negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Malaysia; dan
2. Negara yang telah dikenal pasti sebagai negara berisiko tinggi oleh Bank Negara Malaysia dan mana mana pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan, termasuk Senarai Sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang berkaitan keganasan/pembiayaan keganasan dan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

KWAP juga akan melaksanakan usaha wajar untuk mengelak daripada berurusan dengan entiti dan individu yang telah dikenal pasti di bawah Senarai Sekatan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang berkaitan keganasan/pembiayaan keganasan dan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

## 11.0 Ketelusan

KWAP percaya bahawa ketelusan merupakan salah satu prinsip asas bagi tadbir urus yang baik. Ketelusan menggalakkan kebertanggungjawaban dan menghasilkan pembuatan keputusan yang lebih baik. Oleh itu, ketelusan dan komunikasi yang berkesan merupakan dua faktor kejayaan yang amat penting yang akan membantu KWAP membina kepercayaan, meningkatkan fokus dan kejelasan strategiknya, mengeratkan hubungan pihak berkepentingannya dan memacu hasil yang lebih baik.

Selaras dengan kepercayaan pelaburan KWAP terhadap ESG, KWAP menjadi penandatangan kepada Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII) pada 2015 dan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN PRI) pada 2018.

Satu daripada komitmen nyata yang dibuat oleh KWAP sebagai penandatangan kepada UN PRI ialah melaporkan aktiviti pelaburan bertanggungjawabnya kepada UN PRI secara tahunan. UN PRI menilai pelaporan tersebut dan sebagai balasan mengesyorkan kepada KWAP tentang cara KWAP boleh menambah baik lagi amalan pelaburan bertanggungjawab. KWAP percaya bahawa pelaporan tersebut bermanfaat kepada KWAP bagi memastikan penambahbaikan berterusan terhadap proses dalamannya berkenaan aktiviti pelaburan bertanggungjawab.

Selanjutnya, sebagai penandatangan kepada MCII, KWAP percaya bahawa ia berada pada kedudukan strategik untuk mempengaruhi amalan baik pada peringkat industri dan di syarikat penerima pelaburannya. Berdasarkan keyakinan bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik boleh menyumbang kepada penjana pulangan jangka panjang yang mampan, KWAP komited untuk melaporkan penggunaan prinsip MCII secara tahunan, termasuk menyemak dan mengemas kini penyatannya, jika perlu, bagi mencerminkan apa-apa perubahan pada amalannya dan dalam memastikan pematuhannya kepada MCII.

## 12.0 Integriti dan Tadbir Urus

KWAP mengamalkan pendekatan sifar toleransi terhadap semua bentuk sogokan dan rasuah. KWAP juga komited untuk:

1. Mematuhi semua undang-undang dan peraturan, yang mengawal operasi dan perniagaannya; dan
2. Mengekalkan dan memelihara standard tadbir urus, integriti kebertanggungjawab dan ketelusan tertinggi dalam semua aktiviti operasi dan perniagaannya.

